



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 24.

RABU 16 DISEMBER, 1964.

رابو 12 شعبان 1384

PERCHUMA

KEADAAN DHARURAT DI-BRUNEI DI-TERUSKAN

BANDAR BRUNEI. — Keadaan dharurat selama dua tahun yang telah di-jadualkan tamat pada hari Juma'at 11 Disember, 1964 akan di-teruskan menurut satu pemashhoran baharu dan akan meliputi seluruh Negeri Brunei.

Pemashhoran itu yang telah di-umumkan pada hari Rabu 9 Disember, 1964 berkata bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengishtiharkan-nya kerana ada kejadian yang marabahaya yang mengancam keselamatan orang ramai dan ekonomi negara.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei/Muara

BANDAR BRUNEI. — “Ugama Islam ialah Ugama Resmi negeri kita ini dan pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan ada-lah sentiasa menggalakkan dan mempertimbangkan terus menerus melaksanakan rancangan2 yang bertujuan menyedaiakan kemudahan2 dan memberi peluang belajar membachaa ayat suchi Al-Koran di-Sekolah2, Masjid2 dan Surau2 di-seluruh Negeri Brunei dan begitu juga Kelas2 Dewasa Ugama”, demikian kata Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak.

Beliau telah berkata sademikian ketika merasmikan pembukaan Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Brunei/Muara di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Terdahulu dari itu, Pengerusi peraduan tersebut Abang Razali bin Haji Zainuddin, Kadzi Daerah Brunei/Muara, telah memberi ucapan.

Abang Razali berkata antaranya bahawa “Dasar peraduan Al-Koran yang kita adakan ini, adalah semata2 untuk memajukan dan memberi perangsang kepada ra'ayat Islam di-negeri ini supaya lebih2 berusaha dan chenderong mempelajari Ilmu Pengetahuan dan Pembachaaan Kitab Suchi Al-Koran dengan fashenya.”

Pemashhoran dharurat tersebut telah di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dibawah fasal 83 dalam Perlembagaan Negeri Brunei yang memberi kuasa kepada Baginda membuat perishtiaran jika, pada fikiran Baginda ada kejadian yang marabahaya yang mengancam keselamatan dan ekonomi negeri ini.

Sungguh pun keadaan dharurat ini di-teruskan, akan tetapi ia-nya tidak membayangkan suatu keadaan yang luar biasa mengenai kedudukan keselamatan negeri.

Pemashhoran itu hanya untuk memberi peluang kepada Kerajaan membuat segala persediaan untuk menentang sa-barang kejadian.

Kemudahan dan ketenteraman telah pulih dan bahaya kepada orang ramai telah hapus.


Juruchapak Kerajaan tersebut menambahkan bahawa pemashhoran baharu itu telah di-buat sa-telah memandang kepada keadaan keselamatan di-negeri2 tetangga Brunei yang pada masa ini menghadapi ancaman konfrontasi Indonesia.

PILEHAN RAYA:

Bekas Orang2 Tahanan Boleh Mengundi

BANDAR BRUNEI.—Orang2 tahanan yang telah di-bebaskan boleh-lah mendaftarkan nama sa-bagai pengundi dalam pilhan raya yang akan datang ini walau pun bekas orang2 tahanan itu masch terta'alok pada sharat2 sekatan.

Mendaftarkan nama sa-bagai pengundi dan membuang undi dalam pilehan raya tidak termasuk dalam istilah mengambil ba-



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Pasar Gembira Pengakap2 Daerah Brunei bertempat di-tanah lapang berhampiran Panggong Boon Pang Baharu di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Pasar Gembira itu telah di-adakan untuk mengutip derma bagi membantu rombongan Perwakilan Pengakap dari Brunei yang akan menghadiri Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia di-Australia pada penghujung bulan ini. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf mengishtiharkan pembukaan rasmi Pasar Gembira tersebut.

CHUKAI PENDAPATAN TIDAK DI-ADAKAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menafikan dengan keras-nya satu berita akhbar Borneo Bulletin yang menyatakan bahawa Kerajaan telah membentok sa-buah Jawatan Kuasa untuk menyiasat tentang kemungkinan mengenakan chukai pendapatan ka-atas diri sa-sa-orang di-Brunei.

Mashuarat Agong Palang Merah

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Palang Merah Brunei akan mengadakan Mashuarat Agong Ulang Tahun-nya di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pukul 2.30 petang hari ini.

Orang ramai yang chenderong dalam hal ehwal Palang Merah di-persilakan hadir di-majlis tersebut.

Dalam sa-buah pengumuman yang di-terbitkan pada hari Sabtu 5 Disember, 1964, Kerajaan berkata bahawa tiada ada sa-buah Jawatan Kuasa serupa itu telah di-bentok.

Begitu juga, Kerajaan Brunei tiada berura2 untuk membentok sa-buah Jawatan Kuasa serupa itu untuk menimbangkan tentang kemungkinan mengenakan chukai pendapatan ka-atas diri sa-sa-orang.

Akhbar tersebut telah berkata dalam berita-nya yang di-terbitkan pada 5 Disember, 1964, bahawa Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould dan dua orang Pegawai keluaran Universiti yang baharu kembali ka-Brunei, telah di-lantik sebagai anggota2 Jawatan Kuasa penyiasat untuk mengkaji tentang kemungkinan mengenakan chukai pendapatan ka-atas diri sa-sa-orang.

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL M. P. M. B.

BERAKAS. — Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mengadakan satu Majlis Penyampaian Sijil di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Khamis 17 Disember, 1964 mulai pukul 4.15 petang.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Penolong Pegawai Daerah, Temburong, Awang Puasa bin Tudin telah merasmikan pembukaan majlis peraduan membachaa ayat2 suci Al-Koran yang telah di-langsungkan di-de-wan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, pada 5 Disember.

Sambutan Isra' Dan Me'raj Anjoran K.P.P.S.K.

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan, Brunei, telah mengadakan satu majlis sambutan Isra' dan Me'raj, bertempat di-rumah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksmmana Dato Setia Haji Mohamed Taha pada petang hari Juma'at 11 Disember, 1964.

Majlis itu di-mulai dengan bachaan Al-Koran oleh Awang Haji Khalidi bin Abdul Karim dan di-ikuti dengan Nashid oleh pemuda2 Sungai Kedayan.

Sharahan berkenaan dengan Isra' dan Me'raj telah di-sampaikan oleh Timbalan Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Abang Abu Hanifah selaku wakil Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri; Yang Di-Pertua Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan, Awang Mohamed Yassin bin Awang Said dan oleh Setia Usaha Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan, Awang Md. Taib bin Awang Sulaiman.

Selain daripada mengadakan majlis sambutan Isra' dan Me'raj, satu upacara menyampaikan Lenchana Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan kepada Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin telah juga di-adakan di-majlis itu.

Kesatuan tersebut telah menghadihkan lenchana itu kepada Awg. Mohamed Zain bin Haji Serudin terbadap jasa dan perkhidmatan-nya yang berharga di-lapangan Bahasa dan Kebajikan awam di-negeri ini.

Lenchana tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Mohamed Taib bin Awang Haji Mohamed Salleh bagi pihak Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan.

Majlis itu di-akhiri dengan bachaan Do'a selamat oleh Awang Haji Manaf bin Pehin Ratna Di-Raja Awang Hussin.

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Awang N.J. Pappas dari Persharikatan N.J. Pappas, sa-buah Persharikatan Kejuruteraan dari Montreal, Canada telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura baharu2 ini.

Beliau akan berada di-negeri ini selama beberapa hari untuk membuat penyiasatan dari segi kejuruteraan mengenai kemungkinan negeri ini mengadakan sebuah Steshen Televisyen.

Peraduan itu ada-lah bagi memilih wakil2 Daerah Temburong ka-peraduan peringkat Negeri yang akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 1 dan 2 Januari, 1965.

Ketika merasmikan pembukaan tersebut Awang Puasa telah menyatakan bahawa tujuan Kerajaan mengadakan peraduan itu ada-lah untuk menggalakkan umat Islam di-negeri ini supaya bersungguh2 mempelajari dan mendampingi diri dengan kitab Allah yang Maha Suci itu.

Beliau telah meletakkan harapan kepada peserta2 yang berjaya akan dapat mencapai kemenangan dalam peraduan peringkat negeri yang akan di-adakan itu.

Turut memberi ucapan dalam majlis itu ia-lah Kadzi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam yang juga sa-bagai Pengerusi majlis tersebut.

Awang Adam bin Haji Tarif telah menjadi Johan bahagian Lelaki Dewasa, Awang Mohamed Yusof bin Awang Damit telah menjadi naib johan dan di-ikuti oleh Awang Yahya bin Minudin.

Dayang Achih binte Akil telah menjadi Johan dalam bahagian perempuan dewasa. Ia hanya sa-orang sahaja peserta perempuan yang mengambil bahagian.

Hadiah2 dan sijil2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Haji Mashor.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Tutong

TUTONG. — Satu Peraduan Membachaa Al-Koran Peringkat Daerah Tutong telah di-adakan di-Padang Kechil bekas Taman Bunga, Pekan Tutong, pada malam 5 Disember, 1964.

Sa-jumlah 20 orang peserta dewasa termasuk 8 orang perempuan telah mengambil bahagian dan pemenang2 dalam pertandingan ini akan mewakili Daerah Tutong dalam pertandingan akhir di-Bandar Brunei.

Peserta yang telah menjadi johan dalam bahagian perempuan ia-lah Dayang Rubiah binti Haji Mohd Jawi dari Layong, Naib johan Dayang Mordiah binti Haji Mohd. Yassin dari Tanjong Maya Tutong dan di-ikuti oleh Dayang Ayahni binti Suhaili dari Tutong "A".

Awang Haji Abdul Hamid bin Matassan dari Tutong "A" telah menjadi Johan dalam bahagian lelaki Dewasa, di-ikuti oleh Awang Johari Kamis dari Panapar dan Awang Zubaidi Haji Yassin dari Tanjong Maya.



Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong telah di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong pada 5 Disember, 1964. Dalam gambar ini kelihatan Pengiran Haji Mashor menyampaikan hadiah kepada Dayang Achih binti Akil sa-lepas tamat peraduan itu.

PEPEREKSAAN TRENGKAS DAN MENAIP

BANDAR BRUNEI.—Peperiksaan Menaip dan Trengkas Melayu—1964, di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaya) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei seperti berikut:—

PEPEREKSAAN MENAIP: Tingkatan2 Permulaan, Menengah dan Tertinggi—hari Juma'at 18 Disember mulai pada pukul 9.30 pagi.

PEPEREKSAAN TRENGKAS: Tingkatan2 Permulaan, Menengah dan Tertinggi—hari Ahad 20 Disember mulai pada pukul 8 pagi.

Chalun2 menaip hendak-lah membawa jentera taip masing2 ka-bilek peperiksaan sa-tengah jam sa-belum peperiksaan di-jalankan.

Chalun2 trengkas pula mestilah hadir di-bilek peperiksaan 15 minit sa-belum peperiksaan di-mulai.

Sementara itu menurut Surat Keliling yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei berhubung dengan peperiksaan2 tersebut, seramai 31 orang chalun2 akan memasoki peperiksaan menaip dan 36 orang chalun2 akan memasoki peperiksaan trengkas.

Chalun2 yang akan memasoki peperiksaan menaip ada-lah seperti di-bawah ini:

Peringkat Tertinggi — 1 orang.
Peringkat Menengah — 16 orang
dan Peringkat Permulaan — 14 orang.

Chalun2 yang akan memasoki peperiksaan trengkas ada-lah mengandongi:

Peringkat Tertinggi—10 orang.
Peringkat Menengah — 16 orang
dan Peringkat Permulaan — 10 orang.

PEPEREKSAAN KERANI2

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Kerani2 bagi Kerani2 Grade 'A' dan 'B' daripada "General Clerical Service", yang belum lagi berjaya lulus di-dalam peperiksaan yang telah lalu, akan di-adakan pada 28 dan 29 Januari, 1965.

Mahu-lah di-fahamkan ia-itu ini ia-lah peperiksaan kelayakan kerana melalui sekatan2 di-dalam "grade" masing2, tetapi kelulusan di-dalam peperiksaan ini tidak-lah bererti yang orang2 masok peperiksaan yang berjaya itu akan di-naikkan dengan serta merta. Tetapi orang2 yang tidak lulus di-dalam peperiksaan ini tidak-lah akan mendapat timbangan kenaikan.

Chalon2 yang hendak masok peperiksaan ada-lah di-kehendaki menghantar nama2 mereka melalui Ketua2 Pejabat mereka kepada Pegawai Perjawatan dengan seberapa segera yang boleh dan bagaimana pun tidak-lah lewat dari 28 Disember, 1964.

Chalon2 yang hendak masok peperiksaan tersebut diminta menyatakan dengan terang grade, kelayakan pelajaran, umur dan gaji mereka sekarang.

Pertandingan Bintang Radio Brunei

PERTANDINGAN DAERAH2 SERIA/BELAIT-19 DIS. TUTONG-25 DISEMBER

DAERAH TEMBURONG-26 DISEMBER DAN DAERAH BRUNEI/MUARA-3 DAN 4 JANUARI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei Tahun 1965 akan di-adakan di-Bandar Brunei pada Hari Raya Puasa yang ke-empat dalam bulan Februari akan datang.

Pertandingan untuk memilih penyanyi2 yang akan mewakili Daerah masing2 dalam pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei akan di-adakan seperti berikut:

DAERAH BRUNEI/MUARA: Pada 3 dan 4 Januari, 1965 di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

DAERAH SERIA/BELAIT: Pada 19 Disember, 1964 di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria.

DAERAH TUTONG: Pada 25 Disember, 1964 di-Dewan Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

DAERAH TEMBURONG: Pada 26 Disember, 1964 di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Sa-belum di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Daerah2 tersebut, Pertandingan2 Pemilihan bagi Daerah Brunei/Muara, Daerah Seria/Belait, dan Daerah Tutong telah pun di-adakan di-sebabkan ramai penyanyi2 telah mendaftarkan nama untuk masuk bertanding di-tiap2 Daerah itu.

Oleh kerana hanya 25 orang penyanyi-penyanyi lelaki dan wanita di-Daerah Temburong telah mendaftarkan nama untuk masuk bertanding dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Daerah Temburong, maka tidak-lah di-adakan Pertandingan Pemilihan di-Daerah itu dan semua para peserta, dengan sendiri-nya, telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Kejohanan Daerah Temburong yang akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada 26 Disember, 1964.

Chalon2 yang telah di-pilih untuk memasuki Pertandingan Bintang Radio Brunei, Peringkat Daerah2 Brunei/Muara, Seria/Belait dan Tutong ada-lah seperti di-bawah ini:

DAERAH BRUNEI/MUARA

BAHAGIAN LELAKI:
1. M.S. Bakri; 2. Awg. Md. Yusoff; 3. A. Razzak Mohammad; 4. Md. Yatim Wahab; 5. A.M. Nordin; 6. B.M. Taha; 7. Md. Zain Sahad; 8. Ismail Awg. Damit; 9. Ak. Puteh Pg. Manggong.
10. A. Rahman Yusoff; 11. H. J. Muhammad; 12. Osman Nordin; 13. Ak. Emran Pg. Manai; 14. Yusoff M.S.; 15. M. Roslin; 16. Idris Mohammad; 17. Abdullah A. Yusoff; 18. Abu Bakar Metali; 19. Metali Hj. Ibrahim; 20. Zaini Omar; 21. A. T. Ahmadi; 22. A.B. Shahari.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

23. Arpan Mohammad dan 24. Md. Diah (terpilih hanya dalam bahagian asli).

25. Majid Mohammad dan 26. Md. Noor Mohammad (terpilih hanya dalam bahagian langgam).

BAHAGIAN WANITA:

1. Dk. Rosnah Pg. Manai; 2. Norsiah Hamid; 3. Armah Rashid; 4. Siti Mariam Yusoff; 5. Fatimah Hj. Sulaiman; 6. Masnah Abdul Rahman; 7. Zainab Awg. Damit; 8. Asiah A. Bagol; 9. Dk. Rohani Pg. Tajuddin; 10. Abibah Ibrahim.

11. Masni Othman; 12. Dk. Safiah Pg. Suhaili; 13. Asmah Yassin; 14. Dk. Sharifah Pg. Besar; 15. Dy. Safiah A. Besar.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

Pemilihan bagi peringkat Daerah Brunei/Muara, akan di-bahagikan kepada dua bahagian. Ini ia-lah disebabkan ramai-nya para peserta yang telah terpilih untuk memasuki pertandingan peringkat daerah yang akan di-adakan pada 3 dan 4 Januari 1965, bertempat di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

Pada malam pertama ia-itu 3 Januari akan di-adakan pertandingan dalam Bahagian Asli untuk wanita dan langgam untuk bahagian lelaki. Pada malam kedua, ia-itu 4 Januari akan di-adakan dalam bahagian asli untuk lelaki dan langgam untuk wanita.

DAERAH SERIA/BELAIT

BAHAGIAN LELAKI:
1. Suhaili Lani; 2. Jalil Hj. Paun; 3. Bujang Mezenis; 4. Ak. Idris Pg. Said; 5. Md. Zain Othman; 6. Ali Hj. Paun; 7. Aspawi Hassan; 8. Adnan Buntar; 9. M.B.M. Mohammad; 10. Adnan Pawi.

11. Dura Othman; 12. Hussin Malek dan 13. Rosman Sham.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

14. Mardi Ali (terpilih hanya dalam bahagian langgam) dan 15. M.B. Nassar Khan (terpilih hanya dalam bahagian asli).

BAHAGIAN WANITA:

1. Masiah Ahmad (terpilih hanya

dalam bahagian langgam); 2. Maimun Salleh, asli dan langgam; 3. Dk. Halimah Pg. Said (terpilih hanya dalam bahagian asli); 4. S. Mahani dan 5. P.I. Sunah, asli dan langgam.

6. Hasny Zainalabiddin (terpilih hanya dalam bahagian langgam).
7. Zainon Jamil; 8. Salmah Anam; 9. Saadiah Salleh; 10. Dk. Minah Pg. Said, semua-nya asli dan langgam; 11. Jainah Abd. Rahman (terpilih hanya dalam bahagian langgam); 12. Hamisah Md. Hussin, asli dan langgam.

DAERAH TUTONG

BAHAGIAN LELAKI:

1. Mahari Hamid; 2. J.M. Ibrahim; 3. Awg. Md. Adam; 4. Norhassan Edin; 5. A.S. Hamid; 6. Shamsuddin Idris; 7. Adli Jais.

8. Adnan Taha; 9. Tong-sit Yasau; 10. H. Karchi; 11. Zain Md. Yusoff; 12. Omar Khatam dan

13. M.S. Mustapha.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

14. Jeffery Kassim (terpilih hanya dalam bahagian langgam).

BAHAGIAN WANITA:

1. Saharah Abd. Hamid; 2. Saharah Abu Hanifah; 3. Sha'riah Md. Salleh; 4. Rosni Abd. Rahman; 5. Rusinah Murni; 6. Kamariah Md. Daud.

7. Noriah Edin; 8. Masni Ali; 9. Zaleha Manan; 10. Asmah Awg. Tengah; 11. Ajibah Md. Said dan 12. A.S. Zaharah.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

13. Siti Rahmat Salleh (terpilih hanya dalam bahagian langgam) dan 14. Sariah Ismail (terpilih hanya dalam bahagian asli).



Satu majlis menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Lukisan Banchi Pertanian telah di-adakan di-bangunan sementara Sekolah Melayu S.M.J.A. pada pagi hari Khamis yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Shahbudin bin Saleh menyampaikan hadiah kepada Ismail Bol Hassan, sa-orang murid Sekolah Melayu S.M.J.A. yang telah berjaya dalam peraduan tersebut.

Peraduan Lukisan Banchi Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis menyampaikan hadiah2 kepada murid2 Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A. yang berjaya dalam Peraduan Lukisan Banchi Pertanian telah di-adakan di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada pagi 10 Disember, 1964.

Peraduan lukisan tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Jabatan Pertanian Negeri Brunei dalam bulan Ogos tahun ini.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Shahbudin bin Saleh.

Kira2 500 keping lukisan telah di-lukiskan oleh para peserta peraduan tersebut dan lukisan2 itu telah di-siarkan di-seluruh negeri ini.

Sembilan orang, ia-itu 7 orang murid2 lelaki dan 2 orang murid2 perempuan telah berjaya dalam peraduan tersebut.

Mereka ia-lah: Ismail bin Bol Hasan, Abdul Karim bin Ahmad, Zaini bin Tuah, Ahmad bin Bunut, Sa'adiah binti Mohamed Yusof, Rahmah binti Jaludin, Durahim bin Hassan, "Adek Kelana Suraya" ia-itu Awangku Sulaiman bin Pengiran Metali dan Ahmad bin Selamat.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Disember hingga ka-hari Khamis 31 Disember, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
16	4.47	5.02	6.20	12.21	3.40	6.16	7.31
17	4.48	5.03	6.21	12.22	3.41	6.17	7.32
18	4.48	5.03	6.21	12.22	3.41	6.17	7.32
19	4.49	5.04	6.22	12.23	3.42	6.18	7.33
20	4.49	5.04	6.22	12.23	3.42	6.18	7.33
21	4.50	5.05	6.23	12.24	3.43	6.19	7.34
22	4.50	5.05	6.23	12.24	3.43	6.19	7.34
23	4.51	5.06	6.24	12.25	3.44	6.20	7.35
24	4.51	5.06	6.24	12.25	3.44	6.20	7.35
25	4.52	5.07	6.25	12.26	3.45	6.21	7.36
26	4.52	5.07	6.25	12.26	3.45	6.21	7.36
27	4.52	5.07	6.25	12.26	3.45	6.21	7.36
28	4.53	5.08	6.26	12.27	3.46	6.22	7.37
29	4.53	5.08	6.26	12.27	3.46	6.23	7.38
30	4.54	5.09	6.27	12.28	3.47	6.23	7.38
31	4.54	5.09	6.27	12.28	3.47	6.24	7.39

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



KERETA MG menjalar di jalan raya. Menchiut2 roda-nya, merayapi Jalan Berakas — Muara. Membelok kekiri, membilok kekanan. Laju Laju. Dan terus laju. Melunchor.

Di-perut MG itu, Kintan dan Maslan duduk bersanding. Dekat2. Di-bibir mereka menguntum senyum. Senyum manis. Ria.

Jam sudah 9.45 malam. Bolkliah Theatre, sudah jauh di tinggalkan-nya. Di-kepala mereka maseh terbayang gerak gerak Elvis Presley yang romantis itu, dengan suara dan petikan guiter yang begitu memikat begitu menawan itu.

"Tan" Maslan bersuara.
"Hemmm, ada apa Mas."
"Kau termenong?"
"Tidak, tidak."
"Kau bisu. Kenapa?"
Kintan diam.
"Kau sombong Tan."
Tanpa jawab. Bisu.
"Kau tak mau chakap dengan aku Tan."

"Mana kau tau, aku tak mau chakap."
"Tadi, sekejap tadi" ia berhenti di situ.

"Sekejap tadi kau bisu bukan?" sambong-nya.

Kereta MG menjalar juga Laju Laju. Terus melunchor. Kintan maseh juga diam. Pandangan-nya tertumpu kedepan. Hala kereta MG itu. Sekali2 di-betolkan-nya rambut-nya yang di-gamit oleh angin yang nakal itu.

"Kau bisu Tan."
Ia memandang Maslan. Di-pandang-nya tepat2 anak muda yang berwajah manis itu. Maslan tau, bahawa ia di-soroti oleh sepaang mata hitam yang tajam. Ia tak hirau. Ia tak gentar. Tak gentar dengan telatah Kintan gadis ayu itu.

"Kau bisu Tan, kenapa?" tanya Maslan.
"Tak apa2" jawab Kintan pindek.
"Kau sangsi dengan aku, Tan" ajok Maslan lagi.

"Sangsi?" ulang Kintan dengan kerutan kening.
"Ya, sangsi."
"Sangsi apa?"
"Kita selalu jalan dua2 ini" terang-nya.

"Siapa bilang" tanya Kintan tegas.
"Orang."
"Orang?"
"Orang."

"Orang mana. Orang mana Mas".
"Tak tahu, tak tahu."
"Kau tak tahu?"
"Hemmm, tak tahu".
"Pelik".

Mereka diam di-situ. Kereta MG tetap merayap, mengikuti liku2 jalan raya yang terganga lebar itu. Di-hati Kintan merayap berbagai kenangan. Tergambar wajah kawan2-nya, mula2 Nancy, lepas itu Johan, Siew Lim, Kalthum, Johan, Bibah, Hayati dan paling akhir di-ingatan-nya. Ialah keluarga-nya. Adek2, Pak Kudus dan Mak Munah ibu-nya.

"Kintan tengok wayang ya bu", kata-nya pada ibu-nya tadi. Semasa ia di-jemput oleh Maslan.

"Dengan siapa?"
"Maslan".
"Maslan?"

"Ya",
"Jaga disiplin tau".
"Ya",
"Kintan tengok wayang ya bu".
"Baik".
"Kintan pergi ya bu".
"Baik".

Kintan maseh juga diam. Mata-nya tetap memandang depan, kema-na haluan MG yang melarikan diri-nya itu.

"Tan, kita jalan2 dulu ya".
Diam.
"Tan, kita jalan2 dulu ya".

"Kemana?"
"Kemana saja"
"Kemana saja?"
"Ya".

"Maksud mu" suara-nya mati di-situ.
"Berpelaisir kemana saja" sambong-nya.

"Ya" jawab Maslan.
"Nanti ibu marah"
"Tidak"
"Betol?"

SANGSI

Oleh: Hairani
Muhammad

"Betol"
"Kau jamin?"
"Aku jamin"
"Sungguh?"
"Sungguh".
"Sumpah?"
"Sumpah".
"Baik, baik".
"OK?"

"OK kemana saja".
Mereka diam di-situ. Maslan mengeluarkan sapu tangan-nya. Sapu tangan itu di-lapkan-nya kebibir-nya. Kemudian sapu tangan yang berwarna hijau muda itu, di-masukkan kembali kedalam kochit seluar-nya.

"Ibu tak marah, Tan" tanya Maslan bersahaja.
"Tak tahu" balas Kintan.
"Siapa tanggung" kata Maslan lagi.
"Kau".
"Aku?"
"Mesti".

"OK, aku tanggung".
Kereta menjalar terus menerus. Angin sejok mula menikam sumsum. Sumsum Kintan dan sumsum Maslan. Dua manusia yang berlainan jenis itu, maseh juga di-pelok sepi. Tanpa bechara. Masing2 dengan khayalan-nya sendiri2. Bisu.

"Kita pergi ka-mana Mas."
"Ka-mana saja".
"Ka-mana saja. Pelik".
"Ka-mana kau mau?"
"Tak tahu, aku tak tahu".
"Kita ka-Muara ya, bagaimana?"
"Nanti ibu marah" Kintan ragu.
"Tidak".

"Kau tanggung".
"OK, aku tanggung, aku tanggong" Maslan memberi harapan.

Maslan diam. Kintan diam. Bunyi chiutan tayar kereta makin menyumbat telinga, sekali2 ada juga kereta yang lain membuntuti mereka, kemu-

dian kereta itu, terus melintasi mereka. Laju.

Maslan, ya Maslan sungguh 'serious' malam itu, mata-nya di-limparkan-nya kepada Kintan, Kintan yang diam membisu itu. Punggong-nya di-ing-sutkan-nya ketengah sedikit. Rapat kesisi Kintan, Anak dara Mak Munah itu. Angin sejok makin menampar dan menikam sumsum.

"Kau sejok Tan" ia menoleh ka-pada Kintan.

"Dari mana kau tau" kata Kintan jela.

"Kau mengigil, bukan?"
"Dari mana kau tau"
"Aku nampak"
"Bohong, bohong"
"Bohong?"
"Ya, bohong, kau bohong".

Kereta itu tetap juga berlari. Merayapi Jalan Muara yang lichin dan terganga itu. Laju. Laju terus melunchor. 70 batu sejam.

Muara Beach.
Kereta di-stop. Injin di-matikan. Lampu di-padamkan. Gelap. Di-luar mendong menebal. Ombak riuh. Menyumbat anak telinga. Kintan dan Maslan tetap juga duduk di-perut kereta itu. Mereka diam. Dengan ka-hayalan masing2.

"Kau sejok Tan", Maslan memechah sepi.

"Mana kau tau" jawab Kintan.
"Kau mengigil bukan" kata Maslan lagi.

"Mana kau tau".
"Hampir sini Tan."
"Yah payah".
"Kau sejokkan bukan?" suara-nya hilang di-situ. Maslan termenong.

"Kalau sejok mesti panas2" tambah-nya.
Kintan diam. Ia tak menjawab.

"Dekat2 sini Tan."
"Tak payah".

"Kau sejok, bukan?"
"Mana kau tau".

Kintan mulai gelisah. Di-hati-nya merayap berbagai persoalan. Persoalan yang bukan2, dan makin terjadi. Di-otak-nya tersumbat Mak Munah, ibu-nya yang baik hati.

"Jangan akhir2 balik tau".
"Ya, bu".
"Jaga disiplin tau".
"Ya, bu".

Ia makin juga di-amok resah di-amok gelisah. Hebat. Nafas-nya chepat, turun naik. Sa-olah2 orang yang baharu lepas berlari. Ia begitu takut, begitu ngeri. Kini.

"Sunyi Tan."
"Tak tau".
"Tan".
"Kenapa?"
"Tan".
"Kenapa"
Bisu.
"Tan".
Bisu.
"Kau dengar tan".
"Apa?"
"Chakap ku".
"Dengar. Kenapa?"
"Tak tahu".

Maslan rapat kesisi-nya. Kesisi Kintan. Kintan makin gelisah. Di-kepala-nya meronda berbagai2 persoalan. Persoalan yang bukan2. Ia chuba membaccha dua kalimah Shahadat. Betol. Ia suka. Girang. Angin kian menulang hitam. Sejuk. Ombak berderam. Laksana orang menangis. Bisng.

"Tan".
Bisu.
"Tan".
"Apa Mas" suara-nya terketar, takut.

"Kau gila Maslan?"
"Gila? Aku gila?"
"Ya, kau gila".
"Siapa bilang. Siapa?"
"Aku".
"Kau?"
"Ya, begitu".

"Kenapa?, kenapa kau bilang aku gila. Kenapa?"

"Lihat kelakuan mu. Lihat".
Maslan tersentak. Ia begitu malu. Malu benar dengan kelakuan-nya yang tidak senonoh itu. Di-pandang-nya muka Kintan tajam2. Tepat.

"Kau marah Tan."
"Tidak, aku tak marah".
"Kau tidak marah ya".
"Tentu".
"Terima kasih."

Di-situ mereka diam lagi. Di-kepala mereka berbagai persoalan memamah. Memamah otak. Satu—satu singgah menyapa. Maslan menarik nafas panjang. Panjang sekali.

Kintan maseh juga membisu, pandangan-nya terletak ka-pohon2 ru yang melintok liok di-tiup angin itu.

"Kau marah Tan."
"Siapa bilang?"
"Siapa bilang?"
"Aku".

"Kau?"
"Ya".
"Bohong".

"Jadi kau tidak marah ya."
"Kau baik, kau baik".
"Terima kasih."

Diam sebentar. Ambun jantan merenyai turun. Basah.

"Tan, kau chinta pada Wirwan?"
"Siapa bilang?"
"Aku".

"Mana kau tau aku chinta Wirwan?"

"Dengar chakap angin".
"Bohong. Kau bohong".
"Jadi kau tak chinta Wirwan?"

"Begitu".
"Sumpah?"
"Aku tak tahu".
"Kau takut sumpah".

"Takut" Kintan diam di-situ. Hati berdebar2 juga.

"Kau chinta aku?"
"Apa kau bilang".
"Kau chinta pada ku?"
"Tak tahu".
"Wirwan".

"Tak tahu".
"Siapa kau chinta".
"Ibu bapa, bangsa, tanah ayer?"
"Lagi".

"Tuhan. Aku chinta dengan Tuhan". Kintan diam di-situ.


"Kau chinta dengan Tuhan?" tanya-nya kepada Maslan.
Bisu.

Memerhatikan Chara2 Perjalanan Pejabat Pos Di-Kuala Lumpur

BERAKAS. — Pengawas Pos Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan dan empat orang anggota2 Pejabat Pos Negeri Brunei telah berangkat dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada petang hari Ahad 29 November.

Mereka akan berada di-sana selama 2 Minggu untuk memerhatikan berkenaan dengan chara2 perjalanan Pejabat Pos Besar Malaysia di-Kuala Lumpur.

Empat orang Anggota2 Pejabat Pos Negeri Brunei tersebut ialah Awang Lee Thian Soon, Posmaster di-Kuala Belait; Awg. Kassim bin Mudzaffar, sa-orang kerani di-Pejabat Pos, Bandar Brunei dan dua orang Posmen, ia-itu Awang Abdul Rahman bin Abu Bakar dan Awang Apog bin Haji Abdul Ghani.



RINTEHAN

Aku tak pernah menghiasi hidup ini
 Dengan sungai bahagia
 Semata Jiwaku pedeh
 Putusnya jalan kechil—
 Atas namaku
 Gentas lepas satu-satu
 Datang suara bambu atau angin bersiut
 Adalah rintehku yang sedeh.
 Dikacha jendela
 Kupelok awan berarak
 Dengan mata ku menggirai embun
 Diluar rumah jauh kenanganku:
 "Tika senja-kala
 Dibawah setompok mega
 "Mimi, kaulah kekasehku sampai mati"
 Lama-lama angin kejang
 Aku kian memberat dan mendekat.
 Demikian jauh kenanganku
 Dengan sedeh kututup jendela kamar
 Lalu sembunyi
 Dalam kotak jiwaku
 Menggigit duka
 Menderai satu-satu
 Satetes air yang sejok
 Adalah hatiku yang pilu.
 Kutatap suratnya yang akhir
 Kalimatnya lemas dan jalannya putus
 Aku tak sampai lesu.
 Dan gentar melihat tingkahku
 Ketenangan kian mendalam
 Membulatkan niatku:
 Menchari jalan sendiri
 Keluar dari gedong chinta.
 Gadisku berlidah kelu
 Janjinya kelain waktu
 Pelan-pelan aku lelah
 Mengejar bayang-bayang setianya
 Putus-putus-putus
 Jalan dan simpang kebebasan.....
 Jika kenangan menggigit daku
 Dengan sedeh kututup jendela kamar
 Lalu sembunyi
 Dalam kotak jiwaku
 Kurenongkan jiwaku
 Tika malam berpunggong api
 Ketenangan paling bahagia
 Menerangi jalanku !

— A. S. ISMA — Bangar, Brunei.

HARAPAN

Dan kita sedang dalam menchari
 Diri dan kemanusiaan
 Pun antara jalan berliku liku
 Paling ku rasakan
 Justeru hidup dilarut kesah derita
 Yang sekadar bichara pun
 Tentunya gitu
 Disamping ragu dan bimbang bimbang
 Dan ku tau segala
 Ia ku telahkan
 Sekali harapan itu sering meliar
 Tapi, apalah artinya, apa ?
 Kaseh belum sampai kesenja lagi pun,
 Kemanusiaan sedang dipersetankan
 Duhai, beri aku setegok ayer, kawan !
 Itu pun chukop
 Ya, chukop
 Buat diri mau merangkul kaseh sayangnya
 Nanti jiwa ini mau melepas
 Dari seribu chita yang dimerchu
 Kemudian, kuntanglah hati mu
 Kuntang segala
 Pada hidup yang satu
 O' diri eratnya
 Esok harapan pasti ada dimana mana
 Dan kita akan mati dalam sebuah kamar.

— RAHIM M.S. — Brunei.

PERADUAN BAHAS ASTERAWANI

Johan — Bakti Naib Johan — Patuh
 Pemenang Ketiga — P. B. P. Ugama

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei telah mengalahkan Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei dalam Peraduan Bahas Peringkat Akhir, anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei dengan 333½ mata berbalas 329½ mata.

Peraduan Bahas tersebut telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 4 Disember, 1964 dan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan para peminat bahas serta lain2-nya.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis itu ia-lah Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar yang juga menjadi Penasehat Persatuan ASTERAWANI, Brunei dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri.

Y. B. Awang Haji Mohamed Jamil telah menyampaikan hadiah2.

Peraduan itu telah di-adakan

tuan PATUH, manakala pembangkang-nya ia-lah Persatuan BAKTI.

Mata yang di-dapati oleh tiap2 orang peserta dalam peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Persatuan BAKTI: 1. Metusin Haji Serudin — 91½ mata. 2. Awangku Badarudin — 68 mata. 3. Awangku Metassan — 86 mata. Ulasan: Metusin Haji Serudin — 88 mata. Jumlah — 333½ mata atau pun 83.37 peratus.

Persatuan PATUH: 1. Awangku Ya'akub — 88 mata. 2. Dayang Maisalamah Sharbini — 75 mata. 3. Sulaiman Wahab — 81 mata. Ulasan: Awangku Ya'akub — 85½ mata. Jumlah 329½ mata atau pun 81.25 peratus.

Peraduan untuk menentukan pasokan yang mendapat gelaran ketiga dalam peraduan tersebut



Gambar ini di-ambil selepas di-adakan Peraduan Bahas Peringkat akhir anjoran Persatuan ASTERAWANI di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada 4 Disember, 1964. Dudok di-tengah ia-lah Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, yang juga menjadi Penasehat Persatuan ASTERAWANI. Dudok nombor empat dari kanan ia-lah Yang Dipertua Persatuan ASTERAWANI, Awang Mohamed Zain Haji Serudin dan dudok nombor empat dari kiri ia-lah Dayang Jusnani binti Lawi, Pengerusi Majlis Peraduan Bahas tersebut. Ahli2 Persatuan BAKTI — (Johan Peraduan itu) yang mengambil bahagian dalam Peraduan tersebut dudok di-sabelah kanan gambar ini manakala ahli2 Persatuan PATUH (Naib Johan, peraduan tersebut) yang mengambil bahagian dalam peraduan itu dudok di-sabelah kiri dalam gambar ini.

mulai pada hari Juma'at 13 November, 1964 dan terus di-adakan pada tiap2 hari Juma'at hinggalah ka-hari Juma'at 4 Disember, 1964.

Sebanyak 10 pasokan telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut ia-itu seperti dibawah ini:

Persatuan ASTERAWANI; Persatuan BAKTI; Persatuan PATUH; Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 Ugama, Brunei; Kesatuan Pemuda Pemuda Kampung Sungai Kedayan, Brunei, Badan Perbahasan Tingkatan Rendah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei; Sekolah Menengah Melayu S.M. J.A.; Badan Kebudayaan Sekolah Melayu S. M. J. A. Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab S.O.A.S. dan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Tajok Perbahasan Peringkat Akhir tersebut berbunyi, "Untuk Kemajuan Ma'anusia di-masa depan, kema'amoran lebeh penting daripada ketenteraman"

Penchadang-nya ia-lah Persa-

telah di-adakan pada pagi hari Juma'at 27 November.

Pasokan2 yang bertanding dalam peraduan itu ia-lah Persatuan PATUH dan Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama, Brunei. Dalam peraduan itu Persatuan PATUH telah medapat 71.05 peratus dan Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama, Brunei mendapat 64.75 peratus.

Dengan keputusan itu, Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama, Brunei telah mendapat gelaran yang ketiga.

Peraduan Bahas Peringkat Akhir itu telah di-pengerusikan oleh Dayang Jusnani binti Lawi dan di-hakimkan oleh Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri, Chegu Sabtu bin Muhammad dan Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Perisai rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Dipertua Persatuan ASTERAWANI, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin untuk pasokan yang menjadi Johan dalam peraduan tersebut telah di-menangi oleh Persatuan BAKTI dan Perisai rebutan yang di-hadiahkan oleh Awang Mohammed Zain Ariff untuk pasokan yang menjadi Naib Johan dalam peraduan tersebut di-menangi oleh PATUH.

Jawatan2 Kosong Di-Jabatan Penyiaran Dan Penerangan Brunei

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei:—

(I) Pengarang (Berita): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman:

Lulus Sijil Lulusan Sekolah Seberang Laut (Overseas School Certificate) atau yang bersamaan dan mendapat pujian dalam bahasa Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang telah lulus Darjah V Sekolah Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya tiga tahun sa-bagai Pembantu Pengarang di-sa-buah harian Inggeris atau mempunyai Diploma Kewartawanan dari sa-buah maktab yang di-akui dan dua tahun pengalaman sa-bagai wartawan.

Pengetahuan mengenai hal ehwal dunia pada hari ini ada-lah suatu kelebihan.

Chalon yang berjaya di-kehendaki menyunting bahan2 dari perkhidmatan2 berita dan mengarang-nya sa-mula untuk siaran radio.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(II) Pemberita: 2 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman:

Lulus Form III dalam bahasa Inggeris atau darjah VII bahasa Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya tiga tahun sa-bagai pemberita sama ada dengan sa-buah harian Inggeris atau pun harian Melayu dan juga mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai hal ehwal Tenggara Asia pada hari ini khas-nya mengenai kawasan Malaysia. Kebolehan menaip ada-lah suatu kelebihan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$350-370x380x20-620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman:

(III) Pengarang (Penerbitan): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman:

Lulus Sijil Lulusan Sekolah Seberang Laut atau yang bersamaan dan mendapat pujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang lulus Darjah V Sekolah Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya tiga tahun sa-bagai Pembantu Pengarang di-sa-buah harian Inggeris atau mempunyai Diploma Kewartawanan dari sa-buah maktab yang di-akui dan dua tahun pengalaman sa-bagai wartawan.

Chalon yang berjaya di-kehendaki mengarang risalah2 penerangan dalam bahasa Inggeris dan Melayu dan menyunting karangan2 untuk di-siarkan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(IV) Penolong Pengarang: 2 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman:

Lulus Darjah VIII dalam bahasa Inggeris dan Darjah V bahasa Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya lima tahun sa-bagai pemberita akhbar atau tiga tahun sa-bagai Penolong Pengarang sa-buah harian Inggeris atau Melayu.

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membantu menerbitkan risalah2 penerangan yang di-terbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$400x20-600. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(V) Pegawai Luar: 2 jawatan kosong.

Kelayakkan2:

Lulus Form III bahasa Inggeris dan Darjah IV bahasa Melayu.

Gaji: Dalam tingkatan gaji (i) \$211-220x10-260-280-290x20-330 (ii) \$350-370-380x20-560. Gaji permulaan bergantung pada pengalaman dan kelayakkan.

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki memberi sharahan mengikut risalah2 yang di-terbitkan di-mana2 kampung di-dalam negeri.

(VI) Penterjemah Kanan (Melayu/Inggeris): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan:

Lulus Sijil Lulusan Sekolah Seberang Laut dengan kepujian dalam bahasa Inggeris dan Melayu atau yang bersamaan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(VII) Penterjemah (Melayu/Inggeris): 1 jawatan kosong.

Lulus Sijil Sekolah Seberang Laut dengan kepujian dalam bahasa Melayu atau yang bersamaan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$350-370-380x20-620. Gaji permulaan bergantung pada pengalaman dan kelayakkan.

Sharat2 Lantekan:

Jawatan selama tiga tahun termasuk perchubaaan permulaan selama enam bulan. Sambongan ia-lah atas persetujuan bersama.

Chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-telah menamatkan masa perchubaaan selama 3 tahun.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai dengan tambang, rumah, chuti, dan lain2-nya boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 24 Disember, 1964.

Jawatan Kosong:

PEMANDU KERETA

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkatan II di-Pejabat Hutan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 dan 40 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.

Tugas2: Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu land-rover dan kadang2 di-kehendaki bekerja lebih dari waktu pekerjaan yang biasa. Ia akan ditempatkan di-Sungai Liang tetapi ia harus di-kehendaki bekerja di-serata2 daerah dalam Brunei.

Gaji: Dalam tingkatan \$180x4-200.

Sharat2 Lantekan: Pemohon yang di-pilih akan bekerja sa-chara perchubaaan selama satu tahun. Sekiranya di-dapati pekerjaan-nya memuaskan dan dengan sokongan ketua jabatannya, dia akan di-tetapkan dalam jawatan-nya. Jika tidak ia-nya akan di-berhentikan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Disember, 1964.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

JAWATAN2 KOSONG DI-JABATAN UGAMA

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, sebagai di-bawah ini:—

(a) Khatib: (Satu jawatan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei).

Sharat Memohon Jawatan Ini:

(i) Umor antara 25 hingga 45 tahun:

(ii) Mempunyai pengetahuan ugama yang sesuai dengan jawatan Khatib.

(iii) Di-kehendaki memasuki peperiksaan yang akan di-ada-

kan kerana menguji pengetahuan ugama.

Gaji: Dalam tangga gaji Khatib U.3 (II) (I) — \$200x10-400 sa-bulan. Gaji permulaan di-timbangkan mengikut kelayakkan dan pengalaman.

(b) Bilal: (Satu jawatan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei).

Sharat Memohon Jawatan Ini:

(i) Umor antara 25 hingga 40 tahun.

(ii) Mempunyai pengetahuan ugama yang sesuai dengan jawatan Bilal.

(iii) Di-kehendaki memasuki peperiksaan yang akan di-ada-

kan kerana menguji pengetahuan ugama.

Gaji: Dalam tangga gaji Bilal U.2 — \$180x10-380 sa-bulan. Gaji permulaan di-timbangkan mengikut kelayakan dan pengalaman.

Pemohon2 mesti-lah dari umat Islam yang tinggal di-dalam Daerah Brunei sahaja.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei dan mestilah di-kembalikan kepada Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat dari 30 Disember, 1964.

JAWATAN2 KOSONG DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang tinggal di-kawasan Kuala Belait dan satu di-Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait dan satu di-Masjid Pekan Seria).

(a) Bilal : (Dua jawatan, satu di-Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait dan satu di-Masjid Pekan Seria).

Sharat2 Memohon Jawatan Ini :

(i) Umor antara 25 hingga 40 tahun.

(ii) Tinggal di-kawasan Kuala Belait bagi pemohon Bilal Masjid Muhammad Jemalul Alam Kuala Belait dan tinggal di-kawasan Seria bagi pemohon Bilal Masjid Pekan Seria.

(iii) Mempunyai pengetahuan agama yang sesuai dengan jawatan Bilal.

(iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan yang akan di-adakan bagi menguji pengetahuan agama.

Gaji : Dalam tangga gaji U.2 — \$180x10-380 sa-bulan. Gaji permulaan di-timbangkan mengikut kelayakan dan pengalaman.

(b) Khatib : (Satu jawatan di-Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait).

Sharat2 Memohon Jawatan Ini :

(i) Umor antara 25 hingga 45 tahun.

(ii) Tinggal di-kawasan Kuala Belait.

(iii) Mempunyai pengetahuan agama yang sesuai dengan jawatan Khatib.

(iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan yang akan di-adakan bagi menguji pengetahuan agama.

Gaji : Dalam tangga gaji U.3 (II) (I) — \$200x10-400 sa-bulan. Gaji permulaan di-timbangkan mengikut kelayakan dan pengalaman.

(c) Imam : (Satu jawatan

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI.—Jadual lawatan dan Sharahan Badan Penerangan Agama Islam Negeri Brunei pada 18 Disember dan 25 Disember, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini :

Hari Juma'at 18 Disember :
(a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari — Masjid Penapar, Tutong dan
(b) 2 petang ka-4 petang — Kampong Pengiran Pemancha Lama, Kampong Ayer, Brunei.

Hari Juma'at 25 Disember :
(a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari — Masjid Bangar, Temburong dan
(b) 2 petang ka-4 petang — Kampong Sungai Pandan 'A', Kampong Ayer, Brunei.

Orang ramai ada-lah di-jemput ka-tempat2 tersebut untuk mendengarkan sharahan Agama Islam yang Maha Suci pada tarikh dan masa yang telah di-jadualkan.

di-Masjid Pekan Seria).

Sharat2 Memohon Jawatan Ini :

(i) Umor antara 25 hingga 45 tahun.

(ii) Tinggal di-kawasan Seria.

(iii) Mempunyai pengetahuan agama yang sesuai dengan jawatan Imam.

(iv) Di-kehendaki memasoki

JAWATAN2 KOSONG DI-PERKHEMAHAN ASKAR MELAYU BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang di-sebutkan di-bawah ini di-Perkhemahan Berakas, Askar Melayu Brunei, Brunei :—

(a) Pengawas Perkhemahan : 1 jawatan kosong.

Kelayakan2 : Pemohon2 mesti-lah berumur lebih daripada 30 tahun dan mempunyai pengalaman mengawal buroh yang bertugas dalam kerja2 membersehh, menjaga padang, menjaga kebun bunga, memotong rumput dan lain2-nya.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$183x7-211-220x10-260-290-300.

(b) Tukang Masak : 3 jawatan kosong (Melayu).

Kelayakan2 : Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebih dari 45 tahun dan mempunyai pengalaman menyediakan dan memasak makanan orang Melayu di-sebarang pusat memasak.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$180x4-200.

(c) Tukang Masak : 1 jawatan kosong (Tionghua).

Kelayakan2 : Pemohon2 mesti-

peperiksaan yang akan di-adakan bagi menguji pengetahuan agama.

Gaji : Dalam tangga gaji U.4 I II III — \$240x10-480 sa-bulan. Gaji permulaan di-timbangkan mengikut kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas Borang2 yang boleh di-perolehi dari Pejabat Kadzi Daerah Belait, Kuala Belait dan mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwat UGAMA, Brunei tidak lewat dari 30 Disember, 1964.

lah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebih dari 45 tahun dan mempunyai pengalaman menyediakan dan memasak makanan orang Eropah di-sebarang pusat memasak.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$180x4-200.

(d) Pelayan — 2 jawatan kosong (Melayu).

Kelayakan2 : Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun. Pengalaman ada-lah di-utamakan.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$143x3-158-160-180.

(e) Pelayan : 3 jawatan kosong (Tionghua).

Kelayakan2 : Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun dan mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$143x3-158-160-180.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 21 Disember, 1964.

Jawatan Kosong:

KERANI2 SEMENTARA

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani sementara di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2 :

(a) Chalon2 untuk pelantikan mesti-lah berumur 17 tahun ka-atas.

(b) Chalon2 mesti-lah telah lulus Form II Inggeris dan Darjah V Melayu atau yang bersamaan.

Sharat2 Lantekan :

(a) Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas selama satu tahun, tetapi sekiranya perkhidmatan mereka di-kehendaki lagi, perkhidmatan mereka akan di-sambong selama tempoh yang tidak di-tetapkan.

(b) Chalon2 yang berjaya mesti-lah sanggup bertugas dimana2 daerah di-Negeri ini.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$190x7-211-220x10-260/EXAM/290-310-330 / 350-370-380 x 20-520 atau 560.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Pegawai Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei tidak lewat dari 22 Disember, 1964.

Mereka yang telah membuat permohonan dahulu tidak-lah di-kehendaki memohon semula.

KAPAL2 BARU PENGGALI MINYAK

SERIA. — Sharikat Minyak Shell telah memesan dua buah kapal penggali yang baharu untuk di-gunakan bagi mencari minyak di-perayeran Malaysia dan Brunei, sebagai menggantikan kapal2 Orient Explorer dan Sidewinder.

Kapal2 tersebut sedang di-bena di-Limbongan Kapal Mitsubishi di-Negeri Jepun dan akan tiba di-perayeran Brunei pada tahun hadapan.

Kapal2 itu, berat-nya 6,000 tan tiap2 sa-buah, boleh menggali di-kawasan ayer dalam pada sa-barang masa.

Kapal2 itu berbentuk tiga persegi dan berdiri sama tinggi dengan sa-buah bangunan 30 tingkat.



Satu majlis menyampaikan hadiah kepujian Sharikat Minyak Shell kepada murid2 Sekolah2 Melayu di-Daerah Temburong yang telah berjaya dalam lapangan pelajaran pada tahun 1963 telah di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong baharu2 ini.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Penolong Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang Chua Kwong Heng bagi pihak Sharikat Minyak Shell. Murid2 yang berjaya menerima hadiah2 tersebut ia-lah Ibrahim bin Abdullah dan Damit bin Timbang dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar; Moksin bin Mentiri dan Mahal binti Adol dari Sekolah Melayu Puni; Sima bin Sanggau dan Dayang Taisah binti Ludin dari Sekolah Melayu Biang Estate; serta Asli bin Metusin dan Isah binti Jamil dari Sekolah Melayu Belingos.

Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara tersebut. Duduk nombor enam dari kanan ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan dan duduk nombor enam dari kiri ia-lah Wakil Sharikat Minyak yang menyampaikan hadiah2 tersebut, Awang Chua Kwong Heng. Berdiri nombor dua dari kiri ia-lah Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Temburong, Chegu Ampuan Yusof bin Ampuan Daud dan berdiri nombor lima dari kiri ia-lah Nadzir Kesenian Sekolah2 Melayu, Brunei, Chegu Md. Sum bin Hashim yang telah memberikan ucapan di-majlis tersebut bagi pihak Jabatan Pelajaran Brunei.

SHARIKAT MINYAK MENGHADIAHKAN PEMBESAR SUARA KAPADA MASJID MASIN

KAMPONG MASIN. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menghadiahkan alat2 pembesar suara kepada Masjid Kampong Masin, di-Daerah Brunei pada pagi hari Juma'at 11 Disember, 1964.

Kelab Penerbangan Di-Raja Brunei Di-Tubuhkan

BANDAR BRUNEI. — Kelab Penerbangan Di-Raja, Brunei telah di-tubuhkan oleh peminat2 penerbangan tempatan dalam satu mashuarat di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Pegawai2 Kelab tersebut untuk tahun 1964/1965 yang telah dilantik dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut :

Yang Dipertua — Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid. Naib Yang Dipertua — Awang P. MacMannus.

Setia Usaha Pertadbiran — Awangku Idriss bin Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad. Setia Usaha Kewangan — Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Haji Mohamed Yusof. Setia Usaha Sosial — Dayang Lily Chong dari Sharikat Penerbangan Borneo Berhad.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Awang Deva Raj dan Awang I. Robertson.

Ahli2 Kelab tersebut ada-lah terbuka kepada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei, penduduk2 Negeri Brunei dan orang ramai 'am-nya.

Peminat2 penerbangan di-Negeri Brunei yang berhajat hendak menjadi ahli2 Kelab tersebut boleh-lah membuat perhubungan dengan Setia Usaha Pertadbiran Kelab Penerbangan Di-Raja, Brunei, Awangku Idriss bin Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad, d/a Jabatan Pelajaran, Brunei.

KURSUS PEMIMPIN2 BELIA

BANDAR BRUNEI. — Satu Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria selama sa-minggu dalam bulan Mei tahun hadapan.

Kursus itu akan di-adakan di-bawah anjoran Pejabat Kebajikan Masharkat Brunei dan di-kendalikan oleh Pemimpin2 Belia sendiri.

Berhubung dengan Kursus Pemimpin2 Belia tersebut, Pengelola Persatuan2 Belia Negeri Brunei, Awang Zul-Kiflie bin Haji Abdullah berkata dalam satu pertemuan dengan beliau bahawa Pejabat Kebajikan Masharakat Negeri Brunei menyediakan anggaran belanjawan kira2 di-antara \$6,000 dan \$7,000 untuk melaksanakan kursus tersebut.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang P.D. Graham kepada Ketua Kampong Masin, Yang Mulia Orang Kaya Laila Negara Haji Tuah bertempat di-Masjid Kampong Masin.

Majlis itu di-mulai dengan ucapan oleh Imam Masjid Kampong Masin Awang Haji Kamis bin Haji Kadir, bagi pehak Ketua Kampong Masin Orang Kaya Laila Negara Haji Tuah.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Masjid Kampong Masin, Chegu Abdul Rahman bin Ja'afar; Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang P.D. Graham dan oleh Awang Abdul Salam bin Abdul Razak selaku wakil dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sa-lepas itu Awang P.D. Graham, bagi pehak Sharikat Minyak Shell telah menyampaikan alat2 pembesar suara itu kepada Ketua Kampong Masin.



Satu majlis sambutan Isra' dan Me'raj di-bawah anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi 1 Disember, 1964. Di-antara achara2 yang telah di-adakan di-majlis itu ia-lah Sharahan Isra' dan Me'raj, Peraduan Membaca Sajak beransor ke-ugamaan, Persembahan Nashid dan lain2-nya. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang murid sedang bernashid di-bawah pimpinan Ustaz Abdul Kadir Awang.



Ramai penuntut2 dari Maktab Anthony Abell, Seria telah melawat ka-beberapa tempat di-Bandar Brunei baharu2 ini. Dalam bidang lawatan itu, penuntut2 tersebut telah melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei. Sa-bilangan dari penuntut2 tersebut kelihatan dalam gambar ini pada masa lawatan mereka ka-bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Guru Ugama, Sekolah Melayu Masin, Chegu Hassan bin Amir.

CHATETAN: Masjid Kampong Masin itu telah di-bena dengan wang sa-banyak \$12,000 yang di-hadiahkan oleh Dayang Hajjah Hajjah binti Malik, ia-itu isteri Ketua Kampong Masin, Y.M. Orang Kaya Laila Negara Haji Tuah. Pembukaan rasmi Masjid Kampong Masin itu akan di-laksanakan pada awal tahun hadapan kelak.

Perlumbaan Berjalan Kaki Anjoran P.T.B. Di-Tanggohkan

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh Anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei dari Muara ka-Bandar Brunei untuk peserta2 lelaki dan dari Sungai Hanching ka-Bandar Brunei untuk peserta2 wanita yang di-jadualkan berlangsung pada 6 Disember, 1964 telah di-tanggohkan.

Perlumbaan itu akan di-adakan pada 28 Februari tahun hadapan dan permohonan masuk bertanding akan tutup pada 1 Februari.

Tamat Menghadhiri Kursus Di-Dewan Bahasa Dan Pustaka

BERAKAS. — Pengelola Perkembangan Bahasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhammad dan Ketua Pengarang, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Awang Mohamed Ali bin Tamin telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur baharu2 ini.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI S. M. S. K.

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Satu perlumbaan berjalan kaki jarak jauh anjoran Sekolah Melayu Sungai Kebun, Brunei akan di-adakan pada pagi hari Ahad 20 Disember, 1964.

Perlumbaan tersebut di-adakan sebagai menyambut temasha Minggu Pelajaran Peringkat Akhir Tahun 1964.

Awang Umar Muhammad telah menghadhiri kursus berkenaan dengan Pelajaran Dewasa dan chara menyelenggarakan-nya selama dua bulan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Awang Ali Tamin pula telah menghadhiri kursus di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur selama dua bulan berkenaan dengan Pertadbiran Dewan Bahasa dalam bidang karang-mengarang, perterjemahan, istilah, penyelidikan dan perpustakaan, Bahasa Kebangsaan serta kursus berkenaan dengan Bahagian Pengurus dan Perchetakan.

PELAJARAN LANJUTAN

Beliau2 tersebut telah juga melawat Kelas2 Pelajaran Lanjutan dan Kursus Bahasa Kebangsaan di-bawah anjoran Kementerian Pelajaran Malaysia serta melawat ka-Kelas2 Membenteras Buta Huruf dan Kelas2 Dewasa Pelajaran Bahasa Kebangsaan di-bawah anjoran Kementerian Luar Bandar, Malaysia.

Selain dari itu, Awang Umar telah melawat ka-Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa di-Singapura dan melihat chara2 pertadbiran Pelajaran Dewasa di-Singapura.

PEGAWAI A.M.B. BERLATEH DI-U.K.

BERAKAS. — Lieutenant Muda Mohamed Hussin bin Haji Mohamed telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang baharu2 ini untuk menghadhiri satu kursus Pegawai Pemerintah Platoon selama empat bulan.

Lieutenant Muda Mohamed Hussin ia-lah Pegawai Askar Melayu Brunei yang pertama sekali di-hantar ka-United Kingdom untuk menghadhiri kursus tersebut.